

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 15 JUN 2015

RUJUKAN : 7957

SOALAN:

Dr. Michael JeyakumarDevaraj [Sungai Siput] mintaMENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa 24 orang yang ditangkap di Pejabat Kastam Kelana Jaya pada 23 Mac 2015 direman selama dua hari tetapi langsung tidak disiasat oleh polis dalam masa reman yang diluluskan oleh Majistret.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius tentang kegiatan jenayah yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab melanggar undang-undang tanpa menyedari hak dan ketenteraman awam terjejas akibat perbuatan ini. Berhubung dengan bantahan GST yang dibuat oleh lebih kurang 80 orang individu yang tidak bertanggungjawab merempuh masuk ke Pejabat Wisma Kastam Wilayah Persekutuan Kelana Jaya yang dikawal oleh pihak polis, siasatan pihak polis berkait Kelana Jaya Repot 3187/2015 pada 23 Mac 2015 disiasat di bawah Seksyen 143 Kanun Keseksaan kerana menyertai perhimpunan, Seksyen 353 Kanun Keseksaan kerana menakutkan penjawat awam dan Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1955 kerana gangguan awam. Seramai 79 orang telah ditangkap semasa kejadian tersebut. Seramai 25 OKT telah diambil reman bermula 24 - 25 Mac 2015 dan selebihnya dilepaskan dengan jaminan polis. Isu berhubung dengan seramai 24 tahanan reman tidak disiasat setelah reman diambil tidak menjadi isu kerana pihak polis telah melengkapkan siasatan dengan mengambil tindakan mengumpul bukti dan juga keterangan-keterangan dan menuduh mereka pada 25 Mac 2015 di Mahkamah Petaling Jaya.

Seramai 52 orang lagi telah dituduh di Mahkamah Petaling Jaya secara berperingkat iaitu pada 23 April dan 2 Mei 2015. Sebutan Semula bagi pengurusan kes telah ditetapkan pada 26 Mei 2015.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI
HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 15.06.2015 (ISNIN)

SOALAN : 31

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan apakah masalah yang sebenarnya menyebabkan kelewatan pelaksanaan semula pembinaan Fasa 2 dan kelewatan pembinaan Fasa 3 yang sakit untuk Jalan Meritam / Telahak / Buangabai / Pengkalan Rejab / Sungai Poyan.

JAWAPAN :

Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Meritam / Telahak / Buangabai / Pengkalan Rejab / Sungai Poyan, Limbang, Sarawak Fasa II yang telah ditender semula sedang dalam proses pelantikan kontraktor yang dijangkakan akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada September 2015. Kontrak asal projek ini telah ditamatkan memandangkan kontraktor yang dilantik tidak berupaya melaksanakan projek sebagaimana yang dirancang sehingga menyebabkan projek ini dikategorikan sebagai projek sakit.

Manakala bagi Fasa III pula, ianya sedang dalam peringkat akhir pembinaan. Baki kerja yang sedang dilaksanakan adalah kerja-kerja *premix*. Projek ini mengalami sedikit kelewatan disebabkan oleh beberapa faktor antaranya cuaca hujan yang berpanjangan pada penghujung tahun 2014 sehingga menyebabkan kerja-kerja tanah tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancang. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor yang dilantik sedang giat melaksanakan kerja bagi

memastikan projek ini dapat disiapkan sebagaimana yang dirancang. Adalah dijangkakan projek dapat disiapkan sepenuhnya pada Julai 2015.